

Bil 5 : 2025/26



BULETIN KOPLIT

www.koplit.com.my

KOPERASI PERUMAHAN LEPASAN INSTITUSI PENGGAJIAN TINGGI BERHAD (KOPLIT)



BULETIN KOPLIT

Dapatkan info terkini KOPLIT
Pelancaran Kod QR Simpanan Terbaharu KOPLIT



ISI KANDUNGAN

02	KATA ALUAN PENERUSI KOPLIT Dr. Ahmad Tarmizi Hashim
04	ALK SESI 2025/26 Barisan ALK & Pengurusan KOPLIT
05	INFO KOPLIT Info dan maklumat terkini KOPLIT
06	PERKHIDMATAN KOPLIT Perkhidmatan yang ditawarkan di KOPLIT
13	KEANGGOTAAN KOPLIT Info & maklumat keanggotaan KOPLIT
14	PELANCARAN KOD QR BAHARU KOPLIT Info akaun simpanan korban & flexi
15	SOALAN LAZIM (FAQ) Soalan & jawapan yang sering dikemukakan
16	AKTIVITI KOPLIT Program Ibadah Korban bersama Bank Rakyat Sumbangan Kebajikan KOPLIT Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLIT
32	MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-32
34	TAZKIRAH AL-Qardhul Hasan: Pemangkin Mahabbah Dan Kesejahteraan Hidup Bermasyarakat
36	RENUNGAN Berbuat Baik Kepada Orang Lain
38	KELUARGA SAKINAH Tips Membentuk Keluarga Sakinah – 5 Tiang Seri
40	DARI DAPUR KOPLIT Resepi pilihan yang enak & berkhasiat • Kari Kepala Ikan Ummi • Muffin Pisang Gebu



KATA ALUAN PENGURUSI KOPLIT



Dr. Ahmad Tarmizi

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT.

Marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT atas limpahan rahmat dan izin-Nya, yang membolehkan KOPLIT menghasilkan buletin siri kelima bagi sesi 2025/26. Jazakumullahukhair dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung, terutamanya kepada Biro Kebajikan dan Pendidikan sesi 2025/26, atas usaha dan kerjasama yang telah diberikan bagi menjayakan penerbitan buletin ini. Semoga segala usaha kita diberkati dan diterima oleh Allah SWT.

Alhamdulillah, Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) KOPLIT kali ke-32 bagi sesi 2025/2026 telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan teratur. MAP kali ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mubarak Ali bin Muhamad Ismail, Penasihat HALUAN Cawangan Putrajaya. Turut hadir ialah Puan Shazliana binti Mohd Isa yang mewakili Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sekali gus menyokong dan menyemarakkan lagi perjalanan MAP KOPLIT pada tahun ini.

Dalam MAP ini, KOPLIT telah melancarkan dua (2) kod QR bagi memudahkan urusan simpanan anggota. Kod QR pertama adalah untuk bayaran ansuran ibadah korban bagi tahun hadapan, manakala kod QR kedua membolehkan anggota menambah simpanan peribadi masing-masing di dalam KOPLIT. Walaupun laporan prestasi kewangan bagi tahun lalu menunjukkan sedikit penurunan, kedudukan kewangan KOPLIT masih kekal positif dan stabil, sekaligus membolehkan KOPLIT mengisytiharkan dividen sebanyak 10 peratus kepada anggota berdasarkan pegangan saham serta modal yuran anggota.

MAP kali ini turut menyaksikan pelantikan dua orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) baharu, iaitu Dr. Mohd Taufiq bin Mohd Zin dan Saudara Fitri Zakwan bin Zaid. Tahniah diucapkan kepada mereka, dan diharapkan penglibatan golongan muda dalam barisan kepimpinan ini dapat membawa idea segar serta memperkukuh lagi pengurusan dan operasi KOPLIT.



KOPLIT

SAMBUNGAN... KATA ALUAN PENGURUSI KOPLIT

Pada masa yang sama, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada ALK yang telah mengundurkan diri atas sebab-sebab tertentu, iaitu Dr. Nik Mutasim bin Haji Nik Ab Rahman dan Puan Nurul Shahridah binti Md. Saleh. Sumbangan mereka, khususnya Dr. Nik Mutasim yang telah sekian lama berkhidmat dalam ALK, amat besar dan bermakna kepada KOPLIT. Semoga segala jasa dan bakti yang dicurahkan diterima oleh Allah SWT sebagai amal soleh dan diberikan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Menyedari bahawa cabaran pada masa hadapan semakin kompleks dalam pelbagai aspek, semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam memajukan KOPLIT. Perancangan yang tersusun, rapi dan praktikal perlu dirangka bagi meningkatkan tahap penglibatan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta anggota, khususnya dalam aspek pendidikan dan pengurusan perniagaan KOPLIT.

Antara matlamat utama yang disasarkan pada sesi akan datang ialah meningkatkan jumlah keanggotaan aktif kepada 200 orang, memperkemas pengurusan aset, serta meneroka peluang dalam perniagaan baharu bagi memastikan KOPLIT kekal berdaya saing dalam jangka masa panjang. Seiring dengan itu, salah satu langkah perniagaan terbaharu yang telah diambil ialah penambahan aset hartanah melalui pembelian tiga (3) lot tanah tapak rumah, bagi mengembangkan lagi perniagaan rumah sewa daripada empat (4) unit sedia ada.

Bagi merealisasikan semua perancangan dan aspirasi ini, komitmen, kesungguhan dan kerjasama padu daripada seluruh ahli amat diperlukan. Di samping usaha yang berterusan, marilah kita bersama-sama berdoa agar segala perancangan dan usaha ini dipermudahkan serta diberkati oleh Allah SWT.

Akhir sekali, adalah diharapkan agar ayat kedua Surah Al-Maidah sentiasa menjadi sumber inspirasi dan pendorong kepada kita semua untuk terus menyumbang secara berterusan ke arah pembangunan KOPLIT, agar kekal berdaya saing dan cemerlang di persada pengkoperasian nasional.



ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK) SESI 2025/26



**DR. H.J. AHMAD
TARMIZI BIN HASHIM**
PENGURUSI



**H.J. ROSLI
BIN ADAM**
TIMBALAN PENGURUSI /
KETUA BIRO PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN



**EN. MUHAMMAD
MUS'AB BIN SA'ARI**
SETIAUSAHA



**EN. AZRONNIZAN
BIN AZIZ**
PENOLONG SETIAUSAHA



**DR. ALI ZAINAL ABDIN
BIN NORDIN**
BENDAHARI



**H.J. EISA
BIN MOHAMED**
PENOLONG BENDAHARI 1



**EN. FITRI ZAKWAN
BIN ZAID**
PENOLONG BENDAHARI 2



**H.J. M.A. ZAABA
BIN YUSOF**
PENOLONG KETUA BIRO
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN 1



**DR. MOHD TAUFIQ
BIN MOHD ZIN**
PENOLONG KETUA BIRO
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN 2



**H.J. CHE AZIZAH
BINTI ISMAIL**
KETUA BIRO KEBAJIKAN &
PENDIDIKAN



**H.J. ALFIAH
BINTI SAMINGAN**
PENOLONG KETUA BIRO
KEBAJIKAN & PENDIDIKAN 1



**H.J. ZAINAL ABDIN
BIN AHMAD**
PENOLONG KETUA BIRO
KEBAJIKAN & PENDIDIKAN 2

PENGURUSAN KOPLIT



**DR. H.J. AHMAD
TARMIZI BIN HASHIM**
PENASIHAT PENGURUSAN
KOPLIT



**CIK NURULBASYIRAH
BINTI YASNI**
PEGAWAI KEWANGAN



**CIK NULKIRAH
BINTI MANLA**
PEGAWAI PENTADBIRAN




INFO KOPLIT

KOPLIT berperanan sebagai platform strategik dalam memperkasa kebajikan dan kedudukan ekonomi anggota melalui amalan simpanan berdisiplin. Dana yang dikumpulkan diurus secara mampan melalui pelaburan berimpak termasuk pembiayaan, hartanah dan perkhidmatan takaful, dengan pulangan diagihkan semula kepada anggota dalam bentuk dividen. Di samping itu, kemudahan kredit serta Tabung Kebajikan disediakan bagi menyokong keperluan anggota dan memastikan kelangsungan manfaat jangka panjang.

Salah satu teras perniagaan KOPLIT ialah sektor hartanah, di mana koperasi ini memiliki dan mengurus aset seperti bangunan, rumah dan premis perniagaan bagi menjana pendapatan berulang yang stabil. Di samping itu, KOPLIT turut menyediakan perkhidmatan takaful serta menjalankan aktiviti penjualan produk terpilih sebagai sumber pendapatan strategik bagi memastikan keuntungan berterusan dan manfaat optimum kepada anggota.

ANTARA ASET HARTANAH YANG DIMILIKI OLEH KOPLIT



2 Lot Kedai
(Sunway Gandaria)



5 Unit Blok A-03
Plaza Paragon Point
(HALUAN)




5 Lot Kedai/Pejabat
Plaza Paragon Point
(KTDKL)



1 Lot Kilang IKS
(Seksyen 9, BBB)



1 Unit Blok D-11
Plaza Paragon Point
(Pejabat KOPLIT)



4 Unit Kedai 2 Tingkat
(Klang)



Town house - Fasa 1
(Sg. Merab)



Town house - Fasa 2
(Sg. Merab)



PERKHIDMATAN KOPLIT

AGEN TAKAFUL & INSURANS

KOPLIT menyediakan perkhidmatan takaful untuk memudahkan anggota, keluarga dan orang ramai mendapatkan perlindungan yang diperlukan. Antara servis yang ditawarkan ialah:

- Pembaharuan Takaful Kenderaan dan Cukai Jalan – Memastikan kenderaan anda terus dilindungi dan mematuhi undang-undang jalan raya.
- Takaful Projek – Perlindungan komprehensif untuk projek seperti Takaful Kebakaran, Kontraktor All Risk, dan Workmen Compensation.
- Takaful Kebakaran – Melindungi kediaman, bangunan perniagaan, dan kilang anda daripada risiko kebakaran.
- Takaful Kelompok/Pelancongan – Termasuk Short GPA untuk perjalanan dalam Malaysia.

Melalui KOPLIT, urusan takaful anda menjadi lebih mudah, cepat, dan berbaloi. Hubungi kami untuk maklumat lanjut!





PERKHIDMATAN KOPLIT

KEMUDAHAN KREDIT

Anggota KOPLIT yang aktif mencarum berpeluang menikmati kemudahan kredit yang disediakan. Untuk memohon, anggota hanya perlu menghubungi pihak pengurusan KOPLIT bagi mendapatkan borang permohonan. Mudah dan mesra untuk keperluan anda!

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat serta kedudukan kewangan semasa KOPLIT!





PERKHIDMATAN KOPLIT

SUMBANGAN KEBAJIKAN



01 KEMATIAN

Anggota : RM 1000
Ibu/Bapa : RM 500
Suami/Isteri : RM 500
Anak-anak : RM 300

(12 tahun ke bawah, termasuk meninggal semasa lahir)



03 BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

Bantuan awal persekolahan (Anak Anggota)
Bilangan anak 1-3 orang: RM 200/keluarga
Tambahan setiap seorang anak: RM100/orang
(4 orang ke atas)

05 CEMERLANG AKADEMIK (ANAK ANGGOTA)



SPM (5A & ke atas) dan Setara : RM 200
STPM (4A ke atas) dan Setara : RM 200
Termasuk anak yang menghafal
30 juzuk Al-Quran



07 GRADUAN IPT (DIPLOMA-PHD)

Anak-anak Anggota : RM 300
(sekali sahaja)

09 KELAHIRAN ANAK (ANGGOTA)

RM 200



Anggota KOPLIT yang aktif mencarum berhak menerima sumbangan kebajikan daripada KOPLIT, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Jika berminat, anda boleh menghubungi pihak pengurusan KOPLIT untuk memohon. Mudah dan cepat!

02 SAKIT (ANGGOTA)

Rawatan di hospital @ warded
(RM 100/hari, Maksimum RM 500)
Sekali dalam setahun



04 MUSIBAH

Banjir / Kebakaran : RM 500
Kemalangan serius: RM 200-500



06 SAGUHATI KEMASUKAN KE IPT

RM 200 (sekali sahaja)



08 PERKAHWINAN

Kahwin kali pertama RM 500
(Anggota/Anak Anggota)



10 SUMBANGAN HARI LAHIR (ANGGOTA)

RM 50



Nota:

Tertakluk pada terma & syarat.
Sumbangan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa KOPLIT



PERKHIDMATAN KOPLIT

PENGEDAR PRODUK HABBAT

HABBAT diformulasikan oleh pakar perubatan tersohor, **Professor Dr Mustafa Ali Mohd, Pakar Farmakologi & Toksikologi**



*UNTUK ANGGOTA
KOPLIT/
AHLI HALUAN
PUTRAJAYA

HABBAT – Makanan Kesihatan Semulajadi



HABBAT adalah suplemen kesihatan yang diformulasikan menggunakan habbatussauda' (*nigella sativa*), vitamin C, vitamin D, zink, garam mineral, dan *monk fruit* sebagai pemanis semula jadi tanpa kalori. Produk ini bertujuan untuk menyokong sistem imun, meningkatkan tenaga, dan menjaga kesihatan secara keseluruhan.

Bahan Utama:

- Habbatussauda mengandungi *thymoquinone*, yang dikaji untuk sifat anti-radang dan antioksidan, membantu mengurangkan keradangan dalam tubuh.
- Vitamin C menyokong fungsi imun, vitamin D membantu kesihatan tulang dan imun, manakala zink memainkan peranan dalam fungsi sel imun.
- *Monk fruit* adalah pemanis semula jadi tanpa kalori dan gula, sesuai untuk pengawalan kadar gula darah.

Keberkesanan:

HABBAT diformulasikan dalam bentuk tablet boleh hisap untuk penyerapan lebih pantas melalui mulut, tanpa terjejas oleh asid perut. Ia lebih berkesan berbanding suplemen lain yang perlu ditelan.

Cara Penggunaan:

Letakkan tablet dalam mulut dan hisap perlahan-lahan. Sesuai untuk kanak-kanak 2 tahun ke atas dan dewasa. Tidak beracun, tiada kesan sampingan, dan boleh diambil bersama ubat hospital.

Nota: Produk ini adalah makanan kesihatan dan bukan ubat. Dapatkan nasihat doktor jika mempunyai sebarang masalah kesihatan.



PERKHIDMATAN KOPLIT

PENGEDAR PRODUK HABBAT PLUS

HABBAT PLUS diformulasikan oleh pakar perubatan tersohor, **Professor Dr Mustafa Ali Mohd**, Pakar Farmakologi & Toksikologi



RM 60



**UNTUK ANGGOTA KOPLIT/
AHLI HALUAN PUTRAJAYA*

HABBAT PLUS – Formulasi Meningkatkan Kesan Habbatussauda'



HABBAT PLUS adalah suplemen kesihatan yang diformulasikan dengan habbatussauda' (*nigella sativa*) tanpa pemanis sintetik. Ia menggunakan ekstrak dari United Kingdom melalui kaedah ekstraksi terbaru untuk memastikan bahan aktifnya lebih berkesan.

Keistimewaan HABBAT PLUS:

- Mengandungi *thymoquinone* yang lebih tinggi, bahan aktif utama dalam habbatussauda', yang membantu meningkatkan kesan terapeutik.
- Melepasi "blood-brain barrier": Kandungan *thymoquinone* yang lebih tinggi membolehkan HABBAT PLUS mencapai otak, memberikan sokongan dalam merawat masalah neurologi.

Kesesuaian untuk Pesakit:

HABBAT PLUS sesuai untuk membantu penghidap:

- Autisme
- Alzheimer (Dementia atau Nyanyuk)
- Parkinson
- ADHD (kanak-kanak yang sukar fokus atau hiperaktif)

Formulasi yang Lebih Berkesan:

HABBAT PLUS menggunakan teknologi ekstraksi terkini untuk memaksimumkan kesan habbatussauda', memberikan manfaat lebih besar berbanding produk biasa.

Cara Pengambilan:

HABBAT PLUS boleh diambil mengikut nasihat doktor atau pakar kesihatan. Sesuai untuk dewasa dan kanak-kanak mengikut dos yang disarankan.

Peringatan: Produk ini adalah makanan kesihatan dan bukan ubat. Sila dapatkan nasihat profesional kesihatan sebelum memulakan suplemen baru.



KOPLIT

PERKHIDMATAN KOPLIT

PENGEDAR PRODUK NISSTEX CREAM

NISSTEX CREAM

diformulasikan oleh pakar
perubatan tersohor, *Professor
Dr Mustafa Ali Mohd, Pakar
Farmakologi & Toksikologi*



***UNTUK ANGGOTA
KOPLIT/
AHLI HALUAN
PUTRAJAYA**

Nisstex Black Seed Soothing Cream – Pelembab Pelbagai Guna



Nisstex Black Seed Soothing Cream adalah krim pelembab yang diperkaya dengan habbatussauda' (*nigella sativa*), dikenali juga sebagai krim mujarab kerana ia dapat digunakan untuk merawat pelbagai masalah kulit. Krim ini membantu memelihara kelembapan kulit dan mengekalkan kesihatan kulit secara keseluruhan.

Kebaikan Utama:

- Merawat Eczema & Luka: Membantu merawat masalah kulit seperti eczema, luka, dan kerengsaan kulit lain.
- Meningkatkan Imunitas Kulit: Diperkaya dengan habbatussauda' yang menyokong sistem imun kulit dan mempercepatkan proses pemulihan.
- Mengandungi Antioksidan: Mengandungi *thymoquinone* dan *nigellidine*, yang membantu mengurangkan keradangan serta mencegah kerosakan pada kulit akibat radikal bebas.

Kelebihan:

- Membantu mengurangkan keradangan kulit dan mencegah kemerahan atau iritasi.
- Menyokong kesihatan kulit dengan sifat antioksidan yang tinggi.
- Dibungkus dalam bentuk tube, mudah dibawa ke mana-mana & kekal bersih dari udara & pencemaran.

Cara Penggunaan:


Sapukan Nisstex Black Seed Soothing Cream secara merata pada kulit yang bermasalah. Sesuai untuk penggunaan harian bagi mengekalkan kelembapan dan kesihatan kulit.



PERKHIDMATAN KOPLIT

JUALAN BUKU ILMIAH

A



RM30

**YAHUDI &
SEJARAHNYA -
AGUS PRIYONO &
MUHAMMAD NOH
OMAR**

B



RM65

**MANHAJ ISLAH -
DR MUHAMMAD
ABDURRAHMAN
AL-MURSI**



**(A + B)
HARGA KOMBO**



KOPLIT

KEANGGOTAAN KOPLIT

Keanggotaan KOPLIT terbuka kepada ahli HALUAN yang aktif dan komited selaras dengan akta koperasi dan undang-undang kecil KOPLIT. Kepada mereka yang berminat dan berkelayakan, boleh memohon untuk menjadi anggota KOPLIT.

Bil	MAKLUMAT CARUMAN ANGGOTA KOPLIT	JUMLAH (RM)
1	SAHAM (SEPANJANG KEANGGOTAAN)	500
2	CARUMAN BULANAN	50
PECAHAN CARUMAN BULANAN		
A	SAHAM/YURAN	10
B	SIMPANAN AL-WADIAH	27
C	SIMPANAN HARTANAH	5
D	SKIM KEBAJIKAN	5
E	SUMBANGAN PENTADBIRAN	3
JUMLAH CARUMAN BULANAN		50



Imbas kod QR untuk
mencarum

**Simpan & nikmati pelbagai
manfaat**

**Tertakluk terma & syarat*

PECAHAN KEANGGOTAAN MENGIKUT ZON

JUMLAH BILANGAN ANGGOTA: 516 ORANG

ZON	BILANGAN ANGGOTA	AKTIF	TIDAK AKTIF
A	208	120	82
B	308	42	266
JUMLAH	516	162	348

**Zon A : Putrajaya, Bangi,
Kajang, Serdang**

**Zon B : Klang, Kuala
Lumpur, Cheras & lain-
lain**



PELANCARAN KOD QR BAHARU KOPLIT

SIMPANAN IBADAH KORBAN

- Sebagai inisiatif membantu anggota membuat persediaan awal untuk melaksanakan ibadah korban dengan lebih mudah dan teratur.
- Melalui skim ini, anggota dapat menyimpan secara berjadual, terjamin, dan berdisiplin, sekali gus meringankan beban kewangan ketika tiba musim ibadah korban.

SIMPANAN FLEXI KOPLIT

- Mudah. Fleksibel.
- Simpan ikut kemampuan
- Boleh tambah bila-bila masa
- Pengeluaran yang mudah

Jom mula menyimpan hari ini,
masa depan lebih terjamin bersama KOPLIT!



Simpanan boleh dimasukkan ke akaun:

KOPERASI PERUMAHAN LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERHAD

BANK KERJASAMA RAKYAT BERHAD

1101493659

Atau melalui QR Code





SOALAN LAZIM

Q: Apakah itu KOPLIT?

A: KOPLIT adalah ringkasan nama bagi Koperasi Perumahan Lepas Institusi Pengajian Tinggi Berhad.

Q: Siapakah yang layak memohon sebagai anggota KOPLIT?

A: Keanggotaan KOPLIT terbuka kepada ahli HALUAN yang aktif dan komited, selaras dengan akta koperasi dan undang-undang kecil KOPLIT.

Q: Siapakah anggota aktif?

A: Anggota yang konsisten mencarum setiap bulan di KOPLIT.

Q: Berapakah caruman bulanan KOPLIT?

A: Caruman bulanan KOPLIT adalah sebanyak RM 50. Untuk makluman, anggota KOPLIT perlu melengkapkan jumlah saham sebanyak RM 500 untuk sepanjang keanggotaan mereka sama ada dibayar sekali gus atau secara ansuran.

Q: Apakah manfaat keanggotaan KOPLIT yang aktif?

A: Mereka layak mendapatkan kemudahan kredit dan sumbangan kebajikan apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu mencarum sekurang-kurangnya setahun. Anggota yang mempunyai saham penuh RM 500 akan diberi keutamaan.

Q: Bagaimanakah cara untuk anggota aktifkan kembali keanggotaan KOPLIT?

A: Anggota perlu membuat caruman bulanan di KOPLIT sekurang-kurangnya 12 bulan untuk mengaktifkan kembali keanggotaan mereka.

Q: Bagaimana ingin memohon sebagai anggota KOPLIT?

A: Sila hubungi KOPLIT di talian 019-220 6244 atau email ke info@koplit.com.my atau muat turun Borang Keanggotaan KOPLIT di website KOPLIT: https://www.koplit.com.my/info_koplit/manfaat_keanggotaan/

Q: Bagaimana cara ingin mendapatkan info terkini KOPLIT?

A: Sila layari laman sesawang KOPLIT di www.koplit.com.my dan muat turun Buletin KOPLIT yang akan diterbitkan secara berkala.



AKTIVITI KOPLIT

PROGRAM IBADAH KORBAN KOPLIT-BANK RAKYAT 1446H / 2025M



Program Ibadah Korban dengan kerjasama KOPLIT dan Bank Rakyat telah berjaya dilaksanakan pada 7 Jun 2025 bersamaan 11 Zulhijjah 1446H. Program ini dilaksanakan di bawah pengurusan Surau Al-Barakah, Bank Rakyat. Ia melibatkan 70 bahagian korban (10 ekor lembu) dengan kos RM805 untuk setiap bahagian.

Di antara **objektif** program adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran dan semangat berkorban dalam kalangan anggota KOPLIT.
2. Mengukuhkan hubungan strategik antara KOPLIT dan Bank Rakyat.
3. Menyantuni golongan asnaf serta mereka yang memerlukan dengan sumbangan daging korban dan zakat.



Majlis Penyerahan Daging Korban dan Zakat

Majlis penyerahan daging korban kepada para peserta dan asnaf telah diadakan pada hari Ahad, 22 Jun 2025, bertempat di Dewan Seminar Kolej Teknologi Darul Naim (KTDKL), Cawangan Kuala Lumpur. Majlis penyerahan ini dinamakan Hulurkan Salam Aidil Adha 1446H.

Majlis diserikan dengan kehadiran Ustaz Wan Mohd Nahar bin Othman (Pengurus Wakaf, Umrah & Qurban, Bank Rakyat) dan En Azhari bin Ahmad (Penolong Pengurus Bank Rakyat, Cawangan Bandar Baru Bangi) Selain daging korban, para asnaf juga turut menerima sumbangan zakat tunai sebanyak RM250 seorang.

Pengagihan Daging Korban

Pengagihan dilakukan dalam bentuk pek sejuk beku dan diuruskan di Gerbang Informasi HALUAN, dengan bantuan Ahli Jawatankuasa Program serta sukarelawan HALUAN Cawangan Putrajaya.

Daging korban juga diagihkan kepada 8 agensi/organisasi terpilih sebagai tanda penghargaan dan jalinan kerjasama komuniti.





AKTIVITI KOPLIT

SUMBANGAN KEBAJIKAN KOPLIT 2025



KOPLIT telah melaksanakan pemberian sumbangan kebajikan kepada anggota yang layak dari Januari hingga Disember 2025. Sumbangan ini diharap dapat meringankan beban anggota serta memberi semangat dan penghargaan kepada mereka yang memerlukannya.

Semoga sumbangan ini dapat:

- Meringankan beban anggota yang menghadapi cabaran.
- Menjadi hadiah istimewa bagi mereka yang menyambut kelahiran cahaya mata.
- Memberikan suntikan semangat bagi anggota yang sedang menuntut ilmu.
- Menjadi penghargaan kepada mereka yang telah berjaya menamatkan pengajian.

KOPLIT terus komited untuk memberi sokongan yang berterusan, memastikan setiap anggota mendapat perhatian dan bantuan dalam setiap langkah perjalanan hidup mereka.



Sumbangan Kebajikan KOPLIT

Program sumbangan kebajikan dijalankan sepanjang tahun 2025, dari Januari hingga Disember. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu anggota yang memerlukan, selaras dengan komitmen KOPLIT dalam memastikan kebajikan anggotanya terjaga serta memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.



BKP10 : ALFIAH SAMINGAN



**BKP10 : MARYAM NADHIRAH
BADEROL ALLAM**



BKP10 : NURUL HUSNA HAMID



BKP10 : BADEROL ALLAM AWANG



**BKP10 : ALI ZAINAL ABDIN
NORDIN**



BKP09 : FAHIMAH MOHD SALLEH



**BKP08 : MARYAM NADHIRAH
BADEROL ALLAM**



**BKP08 : NUR SYIFA NAIMAH MOHD
NASRUDDIN**



**BKP03 : NURUL SHAHRIDAH MD
SALEH**



Sumbangan Kebajikan KOPLIT



**BKP03 : UMMU HANI MOHD
NASARUDDIN**



BKP03 : MUHAMMAD MUS'AB



**BKP02 : UMMIRAMZILLAH BT
AHMAD**



BKP02 : ABD PATA BIN ABU BAKAR



BKP03 : MUNIRAH NAZIHAN YASNI



**BKP03 : FATIN ATIHIRAH ABDUL
SANI**



**BKP03 : MUHAMMAD HANIF
NASRUDDIN**



BKP03 : FATHIYAH SOLEHAH



**BKP10 : NURUL 'EZZAH MOHAMAD
DORIZAKI**



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

SUMBANGAN KEBAJIKAN MENGIKUT JENIS SUMBANGAN

SUMBANGAN KEBAJIKAN KOPLOT 2025			
KOD	JENIS SUMBANGAN	BIL PENERIMA	JUMLAH
BKP01	KHAIRAT KEMATIAN	3	RM1,500.00
BKP02	KEMASUKAN WAD	11	RM3,500.00
BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	30	RM6,200.00
BKP04	MUSIBAH	-	-
BKP05	CEMERLANG AKADEMIK	3	RM600.00
BKP06	KEMASUKAN IPT	5	RM1,000.00
BKP07	GRADUASI IPT	6	RM1,800.00
BKP08	PERKAHWINAN	10	RM5,000.00
BKP09	KELAHIRAN ANAK	9	RM1,800.00
BKP10	HARI LAHIR	86	RM4,300.00
		163	RM25,700.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

SENARAI PENERIMA SUMBANGAN

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
8/1/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	HASAN AL-BASRI AHMAD TARMIZI	RM200.00
8/1/2025	BKP08	PERKAHWINAN	NUR SYIFA NAIMAH MOHD NASRUDDIN	RM500.00
8/1/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	MUHAMMAD HANIF MOHD NASRUDDIN	RM200.00
9/1/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MUHAMMAD MUSAB SA'ARI	RM200.00
9/1/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	UMMIRAMZILAH AHMAD	RM100.00
14/1/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	ROMIZA AHMAD JUNID	RM200.00
14/1/2025	BKP07	GRADUAN IPT	MARYAM NADHIRAH BADEROL ALLAM	RM300.00
17/1/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	KHALIDAH NAZIHAH BADEROL ALLAM	RM200.00
22/1/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	SITI SARAH SOFIA HAMED	RM200.00
22/1/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT	SITI AISHA HAMED	RM200.00
22/1/2025	BKP07	GRADUAN IPT	SITI AISHA HAMED	RM300.00
22/1/2025	BKP07	GRADUAN IPT	ABDULLAH HAFIZI HAMED	RM300.00
22/1/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	AZRONNIZAN AZIZ	RM200.00
24/1/2025	BKP07	GRADUAN IPT	NURUL IFFAH MA ZAABA	RM300.00
24/1/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	MA ZAABA YUSOF	RM500.00
3/2/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	MOHD WAQIYUDDIN	RM400.00
4/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	NURUL SHAHRIDAH MD SALEH	RM200.00
4/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	FATIN ATHIRAH ABDUL SANI	RM200.00
4/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	UMMU HANI MOHD NASARUDDIN	RM200.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
5/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	AISYAH RUQAYYAH MOHD SABBRI	RM50.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MUHAMMAD NABIL JAMALUDDIN	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	ZALIHA MOHAMAD	RM200.00
12/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	ZALIHA MOHAMAD	RM50.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MUHAMAMD YAZID AHMAD TARMIZI	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	SYED AHMAD FATHI SYED MOHD KHAIR	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	NUR FAATIAH IBRAHIM	RM300.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	FITRAH SALIMAH SA'ARI	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	RABIAHTUL ZULKIFLI	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	AMRI MAT ZAIN	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	AMIRAH AHMAD ZAIN	RM300.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	SOFIA AFZAL	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	WAN MOHD AKMAL	RM200.00
12/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	NU'MAN BIN ABD HADI	RM200.00
13/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	BADEROL ALLAM AWANG	RM50.00
13/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	FATHIYAH SOLEHAH MOHD SABBRI	RM200.00
13/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	MARYAM NADHIRAH BADEROL ALLAM	RM50.00
14/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD HANIF MOHD NASRUDDIN	RM50.00
14/2/2025	BKP01	KEMATIAN IBU	SUHAIMI MOHD SARIF	RM500.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
14/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	FITRAH SALIMAH SA'ARI	RM50.00
14/2/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	MUHAMMAD AR-RASYID JAAFAR	RM200.00
14/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MUNIRAH NAZIHAH YASNI	RM200.00
14/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	MOHD SABBRI MD YUDIN	RM50.00
17/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	AZRONNIZAN AZIZ	RM50.00
19/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MUHAMAMD AR RASYID	RM200.00
24/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	UMMIRAMZILAH AHMAD	RM50.00
24/2/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	UMMIRAMZILAH AHMAD	RM100.00
24/2/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD WAKEEL MOHD NOOR	RM50.00
25/2/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	SAFIYYAH JAMILLAH MEGAT SAIDI	RM200.00
4/3/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	ABDULLAH AFIQ KHAIRUDDIN	RM200.00
12/3/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT	AMIRAH HANIS MOHD SABBRI	RM200.00
14/3/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MOHAMMAD SHUHAIB MEGAT SAIDI	RM200.00
14/3/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	SITI 'AQILAH MAHYIDDIN	RM200.00
14/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	SITI 'AQILAH MAHYIDDIN	RM50.00
14/3/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	NULKIRAH MANLA	RM500.00
14/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	SITI SYAFIQAH MAHYIDIN	RM50.00
14/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUR SYAFIQAH MOHD SABBRI	RM50.00
14/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	SAMSI AH SAIDIN	RM50.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
14/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	SHARIFAH ZUBAIDAH SYED HASSAN	RM50.00
14/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	ASMAWATI DESA	RM50.00
26/3/2025	BKP10	HARI LAHIR	NULKIRAH MANLA	RM50.00
9/4/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	AMIR HUSAINI YUSOF	RM200.00
16/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	KHALIDA NAZIHAH BADEROL ALLAM	RM50.00
16/4/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	NAJIB AYOB	RM300.00
16/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	NAJIB AYOB	RM50.00
16/4/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	MOHD NASRUDDIN ABD RASHID	RM500.00
16/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	MOHD NASRUDDIN ABD RASHID	RM50.00
18/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD IZZAT ABD GHANI	RM50.00
18/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	AKMAL HILMI YUSOF	RM50.00
18/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURULBASYIRAH YASNI	RM50.00
23/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD IMRAN ROSLI	RM50.00
23/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURUL HUSNA HAMID	RM50.00
23/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURUL 'EIZZAH MOHAMAD DORIZAKI	RM50.00
30/4/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	FAHIMAH MOHD SALLEH	RM200.00
30/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	MAHYIDDIN TAAT	RM50.00
30/4/2025	BKP10	HARI LAHIR	ALI AHMAD FOUZDI	RM50.00
2/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	FATIMAH MOHAMED BADRI	RM50.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
9/5/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	MUHAMMAD MUNZIR AHMAD SUHAIMI	RM200.00
9/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD MUNZIR AHMAD SUHAIMI	RM50.00
13/5/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	MUHAMMAD MUS'AB SA'ARI	RM200.00
13/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	ABDULLAH PIRUS ISMAIL	RM50.00
16/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	SYED AHMAD MIQDAD SYED SAIFUDDIN	RM50.00
16/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	AFIF SYAUQI KHAIRUDIN	RM50.00
19/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	ABDULLAH 'AZIM KHAIRUDDIN	RM50.00
20/5/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	ROMIZA AHMAD	RM300.00
20/5/2025	BKP01	KEMATIAN IBU	ZULFADHLI ZAFIK	RM500.00
21/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	SITI SALBIAH ABD RAHIM	RM50.00
29/5/2025	BKP02	KEMASUKAN HOSPITAL	NUR SARAH ABD RASHID	RM300.00
29/5/2025	BKP10	HARI LAHIR	SITI HILMIYAH MOHD RAF'II	RM50.00
4/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURUL FARHANA MOHD NASRUDDIN	RM50.00
4/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	SITI MAHMUDAH SAMINGAN	RM50.00
4/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUR SYIFA NAIMAH MOHD NASRUDDIN	RM50.00
6/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	SHARIFAH ZUBAIDAH SYED HASSAN	RM500.00
6/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN	MARYAM NADHIRAH BADEROL ALLAM	RM500.00
6/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN	SYED AHMAD SADIID SYED SAIFUDDIN	RM500.00
6/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	WAN NAIMAH WAN MAMAT	RM500.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
9/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	ALI ZAINAL ABIDIN NORDIN	RM50.00
9/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	KHADIJAH NABILAH BADEROL ALLAM	RM50.00
9/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	FATIMAH NAJIHAH BADEROL ALLAM	RM50.00
10/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	ZANERAH ARIFIN	RM50.00
10/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	NIK NORHAYATI NIK ABDUL KADIR	RM500.00
11/6/2025	BKP07	GRADUAN IPT	HASIAH ABD KARIM	RM300.00
11/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	HASIAH ABD KARIM	RM500.00
13/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	RABIAH ABD WAHID	RM50.00
24/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROSMILA SENIK	RM50.00
24/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	TASNIM MOHD TAIB	RM50.00
24/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	KAUTHAR MOHD TAIB	RM50.00
24/6/2025	BKP10	HARI LAHIR	ZAINAL ABIDIN AHMAD	RM50.00
24/6/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	MAHYIDDIN TAAT	RM500.00
1/7/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT (ANAK)	MOHD FAHMI MUSTAPAH - FIRAS	RM200.00
9/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	NORAZILA MAT	RM50.00
9/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	HASIAH ABD KARIM	RM50.00
9/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROSNi DAHAMAN	RM50.00
9/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD AR-RASYID	RM50.00
24/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUSAIBAH IKHSAN	RM50.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
9/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROMIZA AHMAD JUNID	RM50.00
9/7/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	UMMIRAMZILLAH AHMAD	RM200.00
9/7/2025	BKP03	BANTUAN ANAK PERSEKOLAHAN	MOHD WAQIYUDDIN	RM200.00
24/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	MOHD HARIS CHE ANUAR	RM50.00
24/7/2025	BKP10	HARI LAHIR	UMMU HANI MOHD NASARUDDIN	RM50.00
4/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	ABDUL LATIF ABD RAHMAN	RM50.00
5/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	AMIR MUZAKKIR IKHSAN	RM50.00
13/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	MUHAMMAD MUS'AB SA'ARI	RM50.00
13/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROSTAH MOHD RODI	RM50.00
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	SUHAIMI MOHD SARIF	RM50.00
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	CHE AZIZAH ISMAIL	RM50.00
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	IKHSAN ISMAIL	RM50.00
21/8/2025	BKP05	CEMERLANG SPM 2024,HAFAZ	MUHAMMAD AMMAR AZLI /MAZURA	RM400.00
21/8/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT	MUHAMMAD AMMAR AZLI /MAZURA	RM200.00
28/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	SUHADA ABDUL KADIR	RM50.00
9/9/2025	BKP10	HARI LAHIR	FITRI ZAKWAN ZAID	RM50.00
12/9/2025	BKP10	HARI LAHIR	FATHIYAH SOLEHAH	RM50.00
17/9/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	ABDULLAH AFIQ NASHIRON	RM200.00
17/9/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	ZAHURA MOHAMED	RM200.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
17/9/2025	BKP05	CEMERLANG SPM- AHMAD FATEH	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
17/9/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT - DIPLOMA - AHMAD FATEH	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
22/9/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	NURUL SHAHRIDAH MD SALEH	RM200.00
29/9/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	ROSLI ADAM	RM500.00
1/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	KHAIRUDDIN ABD RAZAK	RM50.00
3/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	AISYAH SOFIYAH MOHD SABBRI	RM50.00
3/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUR FAATIAH IBRAHIM	RM50.00
3/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	SYED AHMAD FATHI SYED MOHD KHAIR	RM50.00
7/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	WAN MOHD AKMAL	RM50.00
7/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	HASAN AL-BASRI AHMAD TARMIZI	RM50.00
9/10/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	RABIAHTUL ZULKIFLI	RM200.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	ALFIAH SAMINGAN	RM50.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROSLAN NADZRI	RM50.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	SALMIAH HASHIM	RM50.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	WAN NAIMAH WAN MAMAT	RM50.00
24/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	SUSANA MAULANA ALIM	RM50.00
24/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURTASNEEM MD YUSOF	RM50.00
24/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROHANI MAT JURI	RM50.00
24/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUR MUHAMMAD MOHD JAMIL	RM50.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	SUHAIMI MOHD SARIF	RM50.00
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	CHE AZIZAH ISMAIL	RM50.00
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	IKHSAN ISMAIL	RM50.00
21/8/2025	BKP05	CEMERLANG SPM 2024, HUFAZ	MUHAMMAD AMMAR AZLI /MAZURA	RM400.00
21/8/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT	MUHAMMAD AMMAR AZLI /MAZURA	RM200.00
21/8/2025	BKP10	HARI LAHIR	SUHAIDA ABDUL KADIR	RM50.00
9/9/2025	BKP10	HARI LAHIR	FITRI ZAKWAN ZAID	RM50.00
12/9/2025	BKP10	HARI LAHIR	FATHIYAH SOLEHAH	RM50.00
17/9/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	ABDULLAH AFIQ NASHIRON	RM200.00
17/9/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
17/9/2025	BKP05	CEMERLANG SPM- AHMAD FATEH	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
17/9/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT - DIPLOMA - AHMAD FATEH	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
17/9/2025	BKP03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
17/9/2025	BKP05	CEMERLANG SPM- AHMAD FATEH	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
17/9/2025	BKP06	KEMASUKAN IPT - DIPLOMA - AHMAD FATEH	ZAHURA MOHAMED	RM200.00
22/9/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK LELAKI	NURUL SHAHRIDAH MD SALEH	RM200.00
29/9/2025	BKP08	PERKAHWINAN ANAK	ROSLI ADAM	RM500.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
1/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	KHAIRUDDIN ABD RAZAK	RM50.00
3/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	AISYAH SOFIYAH MOHD SABBRI	RM50.00
3/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUR FAATIAH IBRAHIM	RM50.00
3/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	SYED AHMAD FATHI SYED MOHD KHAIR	RM50.00
7/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	WAN MOHD AKMAL	RM50.00
7/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	HASAN AL-BASRI AHMAD TARMIZI	RM50.00
9/10/2025	BKP09	KELAHIRAN ANAK	RABIAHTUL ZULKIFLI	RM200.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	ALFIAH SAMINGAN	RM50.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROSLAN NADZRI	RM50.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	SALMIAH HASHIM	RM50.00
13/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	WAN NAIMAH WAN MAMAT	RM50.00
24/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	SUSANA MAULANA ALIM	RM50.00
29/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURTASNEEM MD YUSOF	RM50.00
31/10/2025	BKP10	HARI LAHIR	ROHANI MAT JURI	RM50.00
4/11/2025	BKP10	HARI LAHIR	NUR MUHAMMAD MOHD JAMIL	RM50.00
7/11/2025	BKP10	HARI LAHIR	SYED AHMAD SADIID SYED SAIFUDDIN	RM50.00
14/11/2025	BKP01	SUMBANGAN KEMATIAN (AYAH)	SUSANA MAULANA ALIM	RM500.00
17/11/2025	BKP10	HARI LAHIR	WAN ABDULLAH SABARY	RM50.00



Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLOT

TARIKH	KOD SUMBANGAN	SUMBANGAN / BANTUAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)
7/11/2025	BKP10	HARI LAHIR	SYED AHMAD SADIID SYED SAIFUDDIN	RM50.00
14/11/2025	BKP01	SUMBANGAN KEMATIAN (AYAH)	SUSANA MAULANA ALIM	RM500.00
17/11/2025	BKP10	HARI LAHIR	WAN ABDULLAH SABARY	RM50.00
20/11/2025	BKP02	KEMASUKAN HOPITAL 3H	ZAHURA MOHAMED	RM300.00
20/11/2025	BKP07	GRADUASI ANAK - BACHELOR	AHMAD IZZUDDIN 'ABDUL SALAM YUSNI	RM300.00
20/11/2025	BKP10	HARI LAHIR	ZAHURA MOHAMED	RM50.00
24/11/2025	BKP02	KEMASUKAN KE WAD	ABD PATA ABU BAKAR	RM500.00
1/12/2025	BKP10	HARI LAHIR	JAMSARI ALIAS	RM50.00
3/12/2025	BKP10	HARI LAHIR	NORHAIZA NORDIN	RM50.00
3/12/2025	BKP10	HARI LAHIR	NURUL SHAHRIDAH MD SALEH	RM50.00
			JUMLAH KESELURUHAN	RM25,700.00



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT)

MAPT KOPLIT Ke-32 Lancar, Inisiatif Simpanan Digital Diperkenalkan

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali Ke-32 Koperasi Perumahan Lepas Institusi Pengajian Tinggi Berhad (KOPLIT) telah berjaya dilaksanakan pada 7 September 2025 bertempat di Dewan Seminar KTDKL, Plaza Paragon Point, Bandar Baru Bangi dengan kehadiran 29 orang perwakilan, sekali gus memenuhi syarat kuorum.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mubarak Ali, Penasihat HALUAN Cawangan Putrajaya. Pada majlis yang sama, satu penyampaian cenderahati penghargaan telah diberikan kepada Dr Nik Mutasim sempena persaraan beliau sebagai Ahli Lembaga Koperasi.

Mesyuarat dipengerusikan oleh En. Abdullah Fahmi bin Mohd Fuad dan berjalan lancar dengan pengesahan minit MAPT Ke-31 tanpa pindaan. Semua laporan merangkumi aktiviti, kewangan, kebajikan dan operasi koperasi telah diterima sebulat suara oleh perwakilan.

Antara pengisian utama MAPT kali ini ialah pelancaran kod QR Ibadah Korban dan Simpanan Flexi, selari dengan usaha KOPLIT memperkasa perkhidmatan digital kepada ahli.

Akaun Teraudit 2024 yang dibentangkan oleh Penolong Bendahari I, Tuan Hj. Eisa bin Mohamed turut diluluskan bersama pembahagian dividen iaitu 10% modal yuran dan saham, serta 9% masing-masing bagi Tabung Kebajikan dan Tabung Pelbagai.

Mesyuarat turut menyaksikan pelantikan dua Ahli Lembaga Koperasi baharu, iaitu En. Fitri Zakwan bin Zaid dan Dr Mohd Taufiq bin Mohd Zin, selain kelulusan pindaan Undang-Undang Kecil serta Pindaan Menyeluruh UUK (Akta 502: 2021).

Mesyuarat ditangguhkan pada 11.30 pagi selepas wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Puan Shazliana Mohd Isa merakamkan penghargaan atas kelancaran mesyuarat dan menyatakan sokongan terhadap inisiatif Simpanan Ibadah Korban.



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN(MAPT)

Gambar Sekitar Majlis MAPT kali ke-32





KOPLOT



TAZKIRAH

AL-QARDHUL HASAN: PEMANGKIN MAHABBAH DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BERMASYARAKAT

Oleh: Dr. Nik Mutasim Bin Hj. Nik Ab Rahman

Dalam sistem perbankan dan kewangan Islam terdapat satu instrumen pinjaman dan pembiayaan ditawarkan kepada pelanggan iaitu dikenali sebagai Al-Qardhul Hasan. Instrumen ini tidak banyak dipraktikkan berbanding instrumen lain seperti murabahah, mudarabah, musyarakah dan seumpamanya. Secara ringkas, Pinjaman Al-Qardhul Hasan diberikan tanpa mengenakan faedah atau lebihan ke atas amaun yang dipinjamkan. Pembayaran baliknya pula adalah berdasarkan jumlah yang dipinjamkan, tanpa faedah atau sebarang lebihan ditetapkan.

Relatif kepada instrumen perbankan yang lain, instrumen ini adalah unik kerana sifatnya yang dikatakan mempromosikan nilai-nilai sosial, kebajikan dan moral dalam Islam. Keistimewaan instrumen ini ialah penerima pinjaman digalakkan dengan ikhlas hati membayar balik pinjaman melebihi amaun pinjaman yang diperolehi. Hal ini berbeza sama sekali dengan pinjaman konvensional yang menetapkan lebih awal kadar atau lebihan amaun pinjaman sewaktu pembayaran balik pinjaman. Justeru, lebihan yang ditetapkan ini menjurus kepada unsur riba dan diharamkan dalam Islam.

Instrumen ini dibangunkan berdasarkan beberapa ayat al-Quran antaranya; pertama,

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Bermaksud; Siapakah yang mau memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan (2:245).

Kedua,

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Bermaksud: Siapakah yang mau meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, maka Allah akan melipat-gandakan (balasan) pinjaman itu untuknya, dan dia akan memperoleh pahala yang banyak.

Buya Hamka dalam menafsirkan ayat-ayat di atas menekankan bahawa “memberi pinjaman kepada Allah” bukan bermaksud Allah memerlukan pinjaman, bahkan sebaliknya kerana Allah mahu memuliakan hamba-Nya. Menurut beliau, Allah “meminjam” kerana Allah mahu mengangkat darjat hambaNya yang berinfak. Demikian juga Allah mahu menunjukkan betapa besar nilai amalannya itu di sisi-Nya, dan Allah mahu membangkitkan rasa cinta manusia kepada Allah. Justeru, Allah tidak meminta pinjaman kerana Dia berhajat, tetapi kerana hendak menjadikan manusia merasakan amalannya amat berharga di sisi Allah.” Kerana itu kata Hamka syarat pelaksanaan Al-Qardhul Hasan ialah ikhlas, tidak merungut, tidak merasa tertindas, tidak menagih balasan manusia dan tidak mengungkit-ungkit pemberian. Selanjutnya beliau menulis, orang yang memberi Al-Qardhul Hasan ialah orang yang bersih jiwanya, yakin rezekinya di tangan Allah, dan tidak diperhambakan oleh harta dunia.



KOPLIT

SAMBUNGAN TAZKIRAH...

Dalam ayat di atas, Hamka menyebut bahawa dalam memberi kepada sesama muslim, Allah membalasnya sendiri dengan berlipat ganda. Allah menggunakan istilah pinjaman supaya manusia lebih mudah faham bahawa pemberian itu pasti dibayar semula, dan dibayar bukan “sekadar pulang modal”, tetapi dilipatgandakan ganjarannya seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam ayat 57:18 bermaksud “Allah akan melipatgandakan seperti orang meniaga mendapat untung, tetapi keuntungan dari Allah tidak ada batasnya.” Balasannya tentu sekali bukan semata-mata bersifat material tetapi juga kebekatan dan rahmat Allah SWT kepada pihak-pihak yang terlibat.

Al-Qardhul Hasan sekiranya dipraktikkan secara sempurna sememangnya berfungsi mendidik jiwa dan membentuk akhlak. Hamka melihat Al-Qardhul Hasan sebagai medan latihan mendidik hati dari sifat tamak, membiasakan diri memberi, membina masyarakat penyayang, dan mengikis cinta dunia yang berlebihan.

Bagi Hamka, orang yang berat memberi sebenarnya masih diperhamba dunia, belum yakin dengan janji Allah, dan belum benar-benar merdeka jiwa mereka. Dalam sirah, para sahabat menginfakkan harta mereka bagi membela Islam. Mereka faham bahawa “pinjaman kepada Allah” adalah perjuangan, dan memiliki nilai pengorbanan yang tinggi disisi Allah SWT. Bagi Buya Hamka: “Agama tidak akan tegak tanpa pengorbanan. Al-Qardhul Hasan ialah bahasa halus Allah supaya manusia berlumba-lumba memberi untuk agama.” Sementara itu, pelaku Al-Qardhul Hasan akan memiliki hati yang lapang, rezeki mereka dipermudah, dosa dibersihkan, dan terbina hubungan yang akrab dengan Allah.

Al-marhum Profesor Yusof Qardhawi turut menyentuh konsep Al-Qardhul Hasan dalam penulisan beliau. Bagi beliau Al-Qardhul Hasan adalah ibadah yang tidak mungkin dilakukan kecuali oleh orang yang ikhlas dan percaya sepenuhnya kepada janji Allah. Al-Qardhul Hasan disebut beliau sebagai infak “terbersih” yang menjanjikan balasan yang pasti dan besar. Menurut beliau lagi “Allah ingin mengajar manusia bahawa setiap pemberian yang ikhlas pasti kembali, lebih baik daripada pulangan mana-mana ekonomi dunia”.

Al-Qardhul Hasan dalam konteks sosial dan ekonomi menurut al-Qardhawi adalah asas sistem kewangan Islam yang berteraskan akhlak, ia melatih masyarakat agar saling membantu, ia mengurangkan jurang kaya-miskin, dan ia menjadi alternatif kepada pinjaman riba. Masyarakat yang subur dengan Al-Qardhul Hasan akan menjadi masyarakat yang penyayang, stabil dan bebas riba. Skop rangkuman Al-Qardhul Hasan bukan hanya berkaitan dengan wang, tetapi juga ilmu, tenaga, masa, pertolongan, maupun projek pembangunan ummah. Apa sahaja yang diberikan kerana Allah termasuk dalam kategori ini—selagi syaratnya ialah ikhlas.

Allah menggunakan istilah pinjaman supaya manusia sedar bahawa harta bukan milik mereka, mereka hanya mengurus, dan apa yang “dipinjamkan” kepada Allah akan kembali lebih baik. Al-Qardhul Hasan turut disifatkan sebagai ujian keyakinan kepada Allah. Orang yang memberi Al-Qardhul Hasan ialah orang yang tidak takut miskin, yakin rezekinya dijamin, dan percaya Allah tidak pernah memungkiri janji. Beliau menekankan: “Sesiapa yang memberi pinjaman kepada Allah, maka ia sebenarnya meminjamkan kepada diri sendiri untuk masa depannya di akhirat.”

Menyedari banyak kelebihan dan keistimewaan konsep Al-Qardhul Hasan tidak syak lagi ia harus dimakmurkan. Institusi kewangan dan pertubuhan koperasi sewajarnya menyuburkan pengaplikasian Al-Qardhul Hasan dalam kehidupan sosial dan kebajikan masyarakat. Demikian juga pelaksanaannya dalam kalangan anggota masyarakat harus digarapkan. Untuk itu masyarakat perlu dididik dan diberi kesedaran dan kefahaman akan konsep ini. Pelaksanaannya secara meluas pasti menjanjikan kesejahteraan dan mahabbah dalam kehidupan bermasyarakat.



KOPLIT

RENUNGAN

Berbuat Baik Kepada Orang Lain

Marilah kita renungkan ayat-ayat al-Quran tentang berbuat baik.

1. An-Nisa : 36 (Kepada siapakah kita perlu berbuat baik?)

Ertinya: "Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri,"

2. Al-Baqarah: 195. (Allah menyukai orang yang berbuat baik)

Ertinya: "Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

3. Al-Baqarah: 261 (perbuatan baik akan dilipatgandakan pahalanya)

Ertinya: "Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

4. Al-Zalzalah: 7-8 (Berbuat baik sekecil apapun akan mendapat balasan)

Ertinya: "Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar zarah pun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya pula."



KOPLIT

RENUNGAN

Sambungan...

Berbuat Baik Kepada Orang Lain

5. Al-A'raf: 56 (Larangan membuat kerusakan dan rahmat untuk orang baik)

Ertinya: “Dan janganlah kamu membuat kerusakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik.”

Hadis Berkaitan Berbuat Baik

1. Daripada Uthman bin Affan RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”.
[Riwayat al-Bukhari (5027)]

2. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sebaik-baik kalian adalah orang yang diharapkan kebaikannya dan orang lain merasa aman dari kejelekannya.” (HR At-Tirmidzi no. 2263).



KELUARGA SAKINAH



Tips Membentuk Keluarga Sakinah (Bahagia)

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Ar-Ruum 30:21)

5 Tiang Seri

- 1) Berpasangan dengan ikhlas dan saling melengkapi kekurangan. Sentiasa sedar bahawa pasangan itu adalah anugerah terindah dari Allah. Jagalah ia dengan sebaik-baiknya.
- 2) Sentiasa berpegang teguh pada janji yang dilafazkan semasa pernikahan. Pernikahan adalah ikatan suci, perjanjian suami isteri dengan Allah yang wajib dijaga dengan penuh amanah.
- 3) Memperlakukan pasangan dengan baik, beradab, saling hormat-menghormati dan penuh kasih sayang. Menyempurnakan tanggungjawab masing-masing kerana ALLAH.
- 4) Melazimi musyawarah dalam semua urusan, saling mendengarkan, memahami, merendahkan hati dan mencari solusi terbaik bersama berpandukan syarak bukan emosi.
- 5) Saling redha-meredhai, menanggalkan sifat ego, bersedia menerima kekurangan masing-masing. Sentiasa berusaha mencipta suasana harmoni, ceria dengan senyuman dan ungkapan cinta kasih yang menghangatkan.





K O P L I T

DARI DAPUR KOPLIT

"Koleksi resipi mudah dan berkhasiat – Insya Allah dijamin sedap dan menjadi! Jom cuba sekarang!"

Kari Kepala Ikan Umami

Bahan-bahan:

Bahan A

Limau nipis 1 biji
Ikan gerut / ikan merah / jenahak 600gm
(bahagian kepala + beberapa potong bahagian badan)

Bahan B

Minyak masak 100ml
Bawang besar 1 biji (dihiris)
Bawang putih 4 ulas(dihiris)
Bawang kecil 4 biji (dikisar)
Bawang putih 2 ulas (dikisar)
Halia 1 inci (dikisar)
Serai 1 batang (dikisar)
Cili kering 1sudu makan (dikisar)

Bahan C

Rempah kari 1 pekot kecil
Daun kari 3 tangkai

Bahan D

Air masak 1 cawan
Santan 1 kotak kecil
Garam dan gula secukup rasa
Asam keping 2 keping

(Bahan E

Kacang bendi 6 biji (dibuang tangkai dan hujung)
Tomato 2 biji (potong 6)



Cara Membuatnya:

1. Basuh ikan dengan air. Setelah bersih, rendam dengan air limau nipis selama 5 minit dan bilas dengan air bersih.
2. Panaskan minyak dan tumis bawang yang dihiris sehingga sedikit kekuningan. Masukkan bahan yang dikisar dan tumis lagi sehingga naik bau.
3. Kecilkan api. Masukkan rempah kari ikan dan daun kari dan kacau sehingga rempah kari berwarna perang pekat tanda rempah telah masak.
4. Masukkan air masak dan kacau. Masukkan garam, sedikit gula dan asam keping dan kacau lagi. Masukkan ikan, kacang bendi dan tomato.
5. Masukkan santan dan kacau perlahan. Biarkan sehingga mendidih dan ikan masak.

Sangat sesuai dihidang dengan nasi putih, ikan masin dan sambal belacan. Selamat mencuba.



KOPLIT

DARI DAPUR KOPLIT

Muffin Pisang Gebu

Bahan-bahan:

- 1 cawan pisang lenyek
- 1 cawan gula perang
- 1 cawan minyak jagung
- 2 biji telur
- 2 cawan tepung gandum
- 1 sudu teh baking powder
- 1 sudu teh soda bikarbonat



Cara Membuatnya:

1. Blend pisang, gula, minyak dan telur.
2. Gaul dengan tepung yang diayak sedikit demi sedikit.
3. Sudukan ke dalam acuan 3/4 penuh.
4. Taburkan coklat cip jika suka.
5. Bakar 15 - 20 min (180 darjah).



KOPLIT

Bulletin Koplit



Hubungi Kami:

**KOPERASI PERUMAHAN
LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI BERHAD (KOPLIT)**

D-11-3A, Plaza Paragon Point,
Jalan Medan Pusat Bandar 5, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel: 03-8927 4244, Fax: 03-8927 5244

Email: info@koplit.com.my

019-220 6244



**JOM JADI ANGGOTA
KOPLIT**

*Tertakluk terma & syarat

**BULETIN KOPLIT
BIL 5
2025/26**